

# Khidmat masyarakat pelajar UPM berjaya

SERDANG 17 Okt. – Sebanyak 22 pelajar Ijazah Kejururawatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program khidmat masyarakat di Rumah Kebajikan Anak Yatim Nurhikmah, Kajang, baru-baru ini.

Program selama tiga hari yang bertemakan Bakti Disemai Kasih Dituai itu bertujuan menjalin silaturahim dan memahami kehidupan sebanyak 40 orang anak yatim di situ.

Antara aktiviti yang diadakan ialah persembahan, jamuan makan, penyampaian sumbangan pakaian dan duit raya, sukaneka, kuiz, senamroboik dan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan rumah anak yatim itu.

Program kesihatan yang diadakan pula ialah memberikan ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan pembahagian anak yatim mengikut kumpulan pelajar untuk merapatkan hubungan antara kedua-dua belah pihak.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof. Dr. Azhar Md. Zain dalam ucapan perasmianya berkata, pelajar-pelajar perlu meng-

imbangi pembangunan fizikal dan insaniah untuk meningkatkan lagi pembangunan diri.

“Melalui program sebegini, pelajar-pelajar dapat menunaikan tanggungjawab mencurahkan bakti kepada golongan yang memerlukan,” katanya.

Beliau berkata, program bakti siswa itu meneckankan kemahiran insaniah iaitu mengamalkan sikap beretika dan mengambil peranan sebagai pemimpin.

Katanya, pengajuran aktiviti seperti itu diharap dapat diteruskan dalam melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dari segi intelektual, fizikal dan rohani di samping merapatkan hubungan UPM dengan masyarakat luar.

Beliau berbangga kerana program itu berjaya mencapai matlamatnya dan berharap ia dapat diadakan lagi pada masa hadapan.

**SEBAHAGIAN** anak yatim ceria ketika menyertai sukaneka bersama pelajar UPM pada program khidmat masyarakat Rumah Kebajikan Anak Yatim Nurhikmah, Serdang, baru-baru ini.



## PERAYAAN CAHAYA...

Kemeriah sambutan Deepavali kian terasa apabila pelbagai acara menarik bagi meraikan dan menceriakan lagi perayaan itu mula diadakan di sekitar ibu negara.

Tidak ketinggalan ialah Karnival Deepavali Nestle 2008 yang diadakan di Sentral Arena berhampiran KL Sentral selama 17 hari bermula hujung minggu lalu.

Karnival yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohamad Mohamed Daud itu berjaya menarik 172 usahawan untuk

membuka gerai mereka.

Selain usahawan tempatan, peniaga dari Sri Lanka, India dan Pakistan turut mengambil bahagian dalam karnival tersebut.

Pelbagai barang seperti pakaian, aksesori dan juga makanan tradisional India ditawarkan kepada pengunjung sebagai persiapan menyambut Deepavali pada hujung bulan ini.

● ORANG ramai menyusuri gerai-gerai jualan untuk membeli-belah sebagai persiapan menyambut Deepavali selepas majlis perasmian Karnival Deepavali Nestle di Kuala Lumpur, baru-baru ini.